

01 MAR 2003

Jamaludin-Umno

PERJUANGAN UMNO PERLU PENTINGKAN ORANG BUKAN MELAYU JUGA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Dr Jamaludin Jarjis meminta anggota-anggota Umno supaya lebih inovatif dalam perjuangan dengan melangkaui motif yang ada sekarang dan menjadikan Umno lebih popular di kalangan bukan Melayu juga.

Beliau berkata sudah tiba masanya untuk anggota Umno melihat perjuangan itu lebih daripada hanya sekadar untuk orang Melayu sahaja.

"Kita jangan lihat Umno itu hanya membela Melayu sahaja tetapi kita harus melangkaui lebih daripada itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Serentak Cawangan-cawangan Umno Bahagian Bukit Bintang di sini, hari ini.

Dr Jamaluddin yang juga Menteri Kewangan Kedua berkata isu seperti kemiskinan, pendidikan dan perumahan perlu dititikberatkan dan ia harus dilihat secara meluas dan bukan dari aspek kelompok Melayu.

"Contohnya dalam memperjuangkan nasib ibu tunggal, kenapa Umno hanya pilih ibu tunggal kaum Melayu sahaja? Kenapa tidak kaum lain?"

"Kita bukan sahaja mahu melihat bangsa Melayu berbangga dengan Umno tetapi kita juga mahu orang bukan Melayu berbangga dengan Umno kerana Umno turut memperjuangkan nasib mereka," katanya.

Dr Jamaludin mahu anggota Umno mengambil contoh Biro Pengaduan MCA yang membuka perkhidmatan mereka kepada kaum lain selain daripada kaum Cina.

Selain itu, katanya Umno juga perlu melihat isu yang lebih universal dan contoh terbaik adalah kempen Aman Malaysia yang dipelopori oleh Pergerakan Pemuda Umno.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) memperjuangkan isu yang lebih global dan beliau telah menunjukkan jalan kepada kita untuk lebih bersikap universal," katanya.

Mengenai kepimpinan Umno Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dr Jamaludin berkata mereka perlu menjadi "pengasas aliran" kepada Umno negeri-negeri lain dalam menggerakkan kepimpinan parti itu.

Beliau berkata adalah penting bagi Umno Wilayah Persekutuan mencetuskan idea perjuangan yang baru agar generasi muda Umno boleh meneruskan kredibiliti Umno di negara ini.

"Golongan profesional yang ramai di Wilayah Persekutuan sudah semestinya mempunyai daya kreativiti yang tinggi dan mereka ini perlu mencari kaedah-kaedah baru untuk mengekalkan dan meningkatkan populariti Umno, bukan sahaja di kalangan bangsa Melayu tetapi juga di kalangan bukan Melayu," katanya.

Menurutnya adalah logik jika segala pembaharuan dalam menggerakkan perjuangan itu bermula di Kuala Lumpur.

"Mereka perlu menjadi daya penggerak kepada perjuangan di peringkat kebangsaan," katanya.

Sementara itu, 13 cawangan Umno bahagian Bukit Bintang mengadakan mesyuarat serentak hari ini, yang pertama kali diadakan.

Dr Jamaludin berkata mesyuarat serentak itu menunjukkan komitmen anggota Umno terhadap parti itu terutamanya dalam menggerakkan kempen pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

NN MFZ NAK